

Terengganu pameran artifak secara 3D



Pengarah SICTH 16, Dr Tengku Meriam Tengku Wook (kiri) memberi penerangan mengenai Kiosk Muzium Maya kepada Tengku Zaihan pada Majlis Simposium Teknologi Maklumat Dalam Warisan Budaya 2016 dan Pelancaran Sistem Muzium Maya Negeri Terengganu di Dewan Batu Bersurat LMNT, semalam.

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]

» Muzium pertama di Asia Tenggara guna pemuliharaan maya

Oleh Faizul Azlan Razak
bhkt@bh.com.my

► Kuala Terengganu

Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT) muncul muzium pertama di Asia Tenggara dan ketiga di dunia mempamerkan artifak secara tiga dimensi (3D) menerusi Sistem

Muzium Maya (SMM).

SSM itu merangkumi lapan galeri, mempamerkan 400 daripada 33,000 artifak dalam bentuk digital secara 3D.

Ia hasil kerjasama LMNT dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak dua tahun lalu dalam bidang pemuliharaan warisan sejarah dan budaya berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi.

Pemuliharaan maya

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, Prof Datuk Dr Imran Ho Abdullah, berkata sistem yang hanya ada di Amerika Syarikat itu akan memaparkan bahan tinggalan sejarah melalui pencapaian secara interaktif dengan artifak dipapar secara 3D menerusi pemuliharaan maya.

Projek dibiayai Geran Universiti Pendidikan UKM berjumlah RM210,000 itu melestarian kandungan khazanah warisan budaya bangsa melalui pemuliharaan artifak yang dipamerkan dalam galeri dan disimpan dalam stor.

“Kita dapati banyak artifak tidak dapat dipamerkan kerana ruang sempit walaupun khazanah berkenaan sangat bernilai dan perlu dipamerkan, terutama kepada generasi Y dan Z,” katanya pada Majlis Simposium Teknologi Maklumat (ICT) Dalam Warisan Budaya (SICTH) 2016 dan Pelancaran Sistem Muzium Maya Negeri Terengganu di Dewan Batu Bersurat LMNT, semalam.

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman, yang turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi LMNT, Datuk Osman Muda serta Pengarahnya, Mohd Yusof Abdullah.

Dinilai enam pakar

Imran berkata, reka bentuk SSM dinilai enam pakar, selain ujian bagi mendapat maklum balas

“Kita dapati banyak artifak tidak dapat dipamerkan kerana ruang sempit walaupun khazanah berkenaan sangat bernilai dan perlu dipamerkan, terutama kepada generasi Y dan Z”

Dr Imran Ho Abdullah,
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Jaringan Industri
dan Masyarakat UKM

kandungan serta reka bentuk yang dibangunkan.

“Kami yakin hasil proses dan kerjasama penyelidik UKM yang diwakili Kumpulan Penyelidikan Multimedia dan Kebolegunaan, Pusat Penyelidikan Teknologi dan Pengurusan Perisian (SOFTAM), Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, UKM dan LMNT, sistem maya ini mampu memberi manfaat dan impak besar kepada masyarakat.

“Saya berharap sistem ini akan menjadi satu sejarah kerjasama di antara UKM dan LMNT untuk menjadi institusi yang menerajui pembangunan muzium maya bukan sahaja pertama di negara ini, malah di Asia Tenggara,” katanya.